

# PM kecewa cara pengendalian LTAB

Oleh YAHAYA AHMAD, AZIZAN HASHIM  
dan SOPHA SULAIMAN

**J**ITRA 18 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kebakaran sistem radar di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Kuala Lumpur Sabtu lalu, sepatutnya masih boleh dielakkan sekalipun jika ia terjadi akibat perbuatan khianat.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa LTAB mesti ada cara-cara untuk mengelak kebakaran itu apatah lagi ia telah berlaku beberapa kali sebelum ini.

“LTAB sentiasa terdedah kepada sebarang kemungkinan. Kalau sabotaj sekalipun, kita mesti ada cara-cara untuk mengelak sabotaj,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan bangunan baru Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK) cawangan Jitra, di sini petang ini.

Dr. Mahathir juga hairan alat penggera kebakaran di bilik sistem radar yang terbakar itu tidak berfungsi untuk memberi amaran.

Beliau mengesyaki kemungkinan pemasangan alat itu tidak kena ataupun alat itu sendiri mempunyai kelemahan menyebabkan ia tidak berfungsi apabila kebakaran berlaku.

“Semua ini kita nak tahu sebab apa tak ada penggera,” tegas beliau.

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir berkata, terpujanglah kepada Kabinet untuk membuat keputusan sama ada akan meminta Jabatan

Penerbangan Awam (DCA) memberi penjelasan ataupun tidak.

Bagaimanapun Perdana Menteri kesal dan sedih kerana hanya mendapat tahu kebakaran itu melalui akhbar sambil menegaskan, sepatutnya maklumat itu disampaikan secepat mungkin kepadanya seperti mana kejadian pertama dulu.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, sepatutnya soal keselamatan di LTAB sudah diberi perhatian serius oleh pihak berkenaan selepas kebakaran kali pertama berlaku beberapa tahun lalu dan bukannya selepas itu.

## Keselamatan

Katanya, langkah mengetatkan keselamatan bukan saja penting demi menyelamatkan nyawa penumpang, tetapi lebih dari itu ialah untuk mengelakkan sama sekali kejadian kebakaran yang serupa berulang.

Kalau kebakaran kali pertama dulu berpunca dari litar pintas, tambah Perdana Menteri, pihak berkuasa sepatutnya sudah mengambil pengajaran daripada itu dan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang.

“Kalau kita tahu kerap kali kebakaran terjadi kerana litar pintas, kita mesti tentukan ia tak berulang. Ini bukannya tidak boleh diatasi.

“Kita juga tahu negara kita memang terdedah kepada bahaya kilat. Kalau sistem pendawaian cukup baik, tidak patut ada litar pintas,” tambah beliau.

Berikutan itu, beliau mengulangi rasa kece-

wanya kerana pihak berkenaan gagal mengambil tindakan yang sepatutnya dan ini jelas menunjukkan kurang kecekapan di kalangan mereka yang terlibat.

Kerajaan, tegas beliau, rasa tidak senang hati kerana pada satu masa pihak berkenaan memerlukan peralatan yang canggih serta serba elok, tetapi mereka sebaliknya tidak cekap mengurus dan menyelenggara kemudahan-kemudahan itu.

“Kita (selalu) nak beli yang terbaik dan terancang sekali...kerajaan mesti belanja itu ini,,,tetapi nak pasang, nak selenggara dan nak jaga, nampak lemah.

“Jadi saya harap semua pihak tumpu kepada usaha mengelak kejadian ini. Mereka sudah alami ini (kebakaran) berkali-kali, patut belajar dari situ... elakkan budaya tak ambil berat dan tak ambil peduli. Lain orang jadi ketua pun, perkara sama berlaku,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, jika tindakan awal dapat diambil bagi mengelak kejadian itu, seperti menukar pendawaian hasil pemeriksaan yang lebih kerap dilakukan, kosnya jauh lebih rendah daripada kerugian akibat kebakaran yang turut menjejaskan imej negara.

Beliau juga belum dapat menentukan sama ada sebuah jawatankuasa kabinet perlu ditubuhkan berikutan kejadian itu.

“Dulu kita sudah ada jawatankuasa kabinet, tapi kalau tabiat tak jaga macam ini...sampai bila pun akan ada kebakaran...,” katanya.